

membekalkan kelajuan internet sehingga 4Tbps dan berkeupayaan untuk dinaiktaraf kapasiti sehingga 12Tbps sekiranya mempunyai permintaan.

Rekod terkini untuk peratusan peningkatan liputan 3G di kawasan berpenduduk dicatatkan sebanyak 73.5% untuk liputan 2G dan 71.8% untuk liputan 3G manakala 42.9% untuk liputan LTE. 825 menara komunikasi yang dibina dalam inisiatif komersil juga menyumbang kepada peningkatan liputan perkhidmatan 2G dan 3G ini di seluruh Sarawak.

Perkembangan infrastruktur dan perkhidmatan komunikasi di Sarawak diperkukuhkan lagi melalui Program Transformasi Luar Bandar yang telah ditubuhkan pada tahun 2016. Ini menunjukkan bahawa pemimpin-pemimpin di negeri ini memandang serius untuk memacu pertumbuhan ekonomi melalui Ekonomi Digital di Sarawak.

SOALAN (35)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 27 JULAI 2017
[KHAMIS]**

**DARIPADA : DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR [KULIM
BANDAR BAHARU]**

SOALAN :

YB DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah maklumat dan data yang telah dikumpulkan oleh Kementerian mengenai Transformasi Nasional 50 (TN50) sehingga kini dan apakah perancangan Kementerian melalui dasar dan inti pati TN50 ini dapat meningkatkan modal insan dan pembangunan masyarakat madani bagi membawa Malaysia menjadi sebuah negara maju yang lebih dihormati di semua peringkat.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Transformasi Nasional 2050 (TN50) telah dilancarkan pada 19 Januari 2017 semasa Sesi Dialog Perdana di Universiti Malaya. TN50 merupakan kesinambungan kepada proses pembangunan tanahair bermula daripada Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1971-1990, diikuti dengan Wawasan 2020 pada 1991-2020 dan kini Transformasi Nasional 2050. Proses pengumpulan aspirasi untuk TN50 bagi golongan belia dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Jabatan Perdana Menteri pula mengkoordinasikan input aspirasi golongan selain daripada belia yang dilaksanakan oleh semua kementerian/jabatan/agensi dan pihak-pihak lain yang berkaitan.

Proses pengumpulan aspirasi TN50 ini menggunakan pendekatan *bottom up*. Ini bersesuaian dengan *trend* semasa iaitu segenap lapisan rakyat boleh dan terlibat sama dalam melakar masa hadapan negara melalui aspirasi yang dicadangkan. Secara tidak langsung, rakyat

Malaysia mempunyai tanggungjawab dan peranan yang penting dan bersama-sama Kerajaan mencorakkan masa hadapan negara.

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai kaedah dalam memberikan kesedaran kepada rakyat tentang senario dunia pada tahun 2050 seterusnya mengumpulkan aspirasi rakyat bagi membentuk negara bangsa yang maju, mampan dan cemerlang pada tahun 2050. Antaranya dengan mengadakan sesi dialog, perbincangan meja bulat, mesyuarat bersama kumpulan fokus, penyediaan saluran komunikasi melalui media sosial dan sebagainya. Segala input yang diperolehi seterusnya akan didokumenkan sebagai dokumen dasar ke arah Malaysia pada tahun 2050.

Sejumlah 52,000 aspirasi melibatkan 1.4 juta belia telah dikumpul sehingga Jun 2017. Manakala bagi tempoh April 2017 hingga bulan Jun 2017, 8,300 aspirasi telah berjaya dikumpul daripada golongan selain belia melalui sesi libat urus bersama-sama 3,500 individu.

Sekian, terima kasih.

27 Julai 2017